



**Katalog Pameran
Sistem Pemerintahan Beraja
dan Hubungan Luar Negara**

Sempena

**Seminar Institusi Raja (SIRaj IV):
Hubungan Luar Kesultanan Melayu 2016**

Kandungan


Pengenalan	1
Sistem Pemerintahan Kerajaan Dunia	1-2
Sistem Raja Berpelembagaan	2
Institusi Raja Berpelembagaan di Malaysia	3
Senarai Yang Dipertuan Agong Malaysia	3
Presiden	4
Sistem Presiden	4
Republik	4
Negara Satu Parti	5
Garisan Masa Negara	5
Hubungan Luar Kesultanan Melayu	6-7
Manuskrip Melayu	7-11

Pengenalan

Pameran Sistem Pemerintahan Beraja dan Hubungan Luar Negara ini dilaksanakan bagi melestarikan pemerintahan diraja sebagai paksi tamadun Melayu dan dunia, payung pemerintahan dan tunjang perpaduan negara. Pameran ini turut menonjolkan manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang mempunyai hubung kait dengan sistem pemerintahan beraja di alam Melayu. Pameran ini bermatlamat memberi pemahaman dan pengetahuan kepada masyarakat tentang kepentingan hubungan luar kesultanan Melayu yang berlaku melalui pelbagai faktor seperti perkahwinan, perdagangan, peperangan dan penaklukan, penyebaran agama Islam dan hubungan diplomatik.

Sistem Pemerintahan Kerajaan Dunia

Sistem Pemerintahan Beraja atau Monarki adalah sistem pemerintahan tertua di dunia. Wujud 3000 tahun yang lalu dan menjadi pencetus kepada peradaban dan ketamadunan manusia. Pada awal kurun ke-19, terdapat lebih 900 takhta kerajaan di dunia dan semakin menyusut sehingga abad ke-20, hanya 40 takhta sahaja yang masih kekal. Pada masa kini hanya 4 buah negara yang mempunyai sistem Monarki Mutlak dan selebihnya menggunakan sistem Raja Berperlembagaan.



SISTEM PEMERINTAHAN KERAJAAN DUNIA



Sistem Raja Berperlembagaan

- Sistem Raja Berperlembagaan adalah sejenis kerajaan yang **mengiktiraf raja sebagai ketua negara**.
- Raja Berperlembagaan yang moden biasanya menggunakan konsep *trias politica*, atau politik tiga serangkai.
- **Raja** adalah **ketua dalam rangkaian eksekutif** dan kuasanya terhad oleh perlembagaan dan undang-undang negara.
- Raja Berperlembagaan lazimnya digabungkan dengan perwakilan demokrasi. Kerajaan masih di bawah kuasa rakyat tetapi raja mempunyai peranan tradisional di dalam sesebuah negara.
- **Perdana Menteri**, iaitu pemimpin yang dipilih oleh rakyat, yang **memerintah negara** dan bukannya raja. Namun demikian, terdapat juga raja yang bergabung dengan kerajaan yang tidak demokratik.
- Pelantikan Raja Berperlembagaan adalah berlandaskan **sistem perwarisan atau mewarisi takhta**; manakala yang lain, adalah melalui sistem demokratik.
- Pemilihan kerajaan persekutuan dan negeri **secara pengundian** dalam pilihanraya.
- Parti politik yang menang majoriti (>51%) kerusi parlimen atau dun diisyihar sebagai kerajaan.
- Presiden parti politik yang menang menjadi **perdana menteri /menteri besar/ketua menteri**.

RAJA BERPELEMBAGAAN

(Perdana Menteri sebagai ketua eksekutif & ketua perundangan. Raja sebagai Ketua Negara)



LUXEMBOURG



MALAYSIA



BELANDA



NORWAY



SEPANYOL

Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia

- Institusi Yang Dipertuan Agong menduduki tangga teratas hierarki kuasa pemerintahan Persekutuan Malaysia dan mempunyai kedudukan istimewa seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara bagi Persekutuan Malaysia termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.
- Sebagai Ketua Negara, baginda menjadi lambang kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara.
- Baginda dipilih daripada sembilan orang Sultan yang memerintah di sembilan buah negeri persekutuan iaitu Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Fungsi Raja Berperlembagaan Malaysia

- Sebagai ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu;
- Melantik Perdana Menteri atau Menteri Besar;
- Mempunyai kuasa untuk bersetuju atau tidak dalam pembubaran parlimen; dan
- Penuaung serta pelindung kedudukan istimewa Melayu dan bumiputera serta hak-hak kaum lain di Malaysia.

Senarai Yang Dipertuan Agong Malaysia



Presiden

- **Sistem Pemerintahan Presiden** adalah sistem pemerintahan yang diketuai oleh seorang **presiden** dan **menteri-menteri** yang bertanggungjawab pada presiden.
- **Presiden** adalah **ketaua negara** dan **ketaua eksekutif**.
- Presiden dipilih secara **pengundian langsung** daripada rakyat.
- Calon yang menang majoriti (>51%) undi atau **undi popular**, maka dia jadi **presiden**.
- Negara yang menerapkan sistem pemerintahan presiden di antaranya Indonesia, Amerika Syarikat, Pakistan dan Filipina.

SISTEM PRESIDEN

(Presiden adalah ketua negara dan ketua kerajaan)



Republik

- Republik berasal dari bahasa latin *res publica*, atau "urusan awam", yang bermaksud kerajaan dimiliki serta dipilih oleh rakyat.
- Republik adalah sebuah negara di mana tumpuk pemerintahan dipilih oleh rakyat.
- Parti politik yang **menang** majoriti (>51%) kerusi parlimen diisyihar sebagai **kerajaan**.
- Presiden parti politik yang menang dilantik menjadi Perdana Menteri.
- **Presiden negara dilantik oleh kerajaan yang memerintah.**
- **Perdana Menteri memiliki kuasa eksekutif.**

REPUBLIK

(Perdana Menteri sebagai ketua eksekutif yang aktif & ketua perundangan. Presiden sebagai simbol, kurang atau tidak berkuasa)



Negara Satu Parti

- Negara Satu Parti atau Parti Tunggal ialah sejenis kerajaan bersistem parti yang mana hanya satu parti politik yang membentuk kerajaan.
- Istilah **negara satu parti de facto** digunakan untuk mentakrifkan sistem parti dominan dimana undang-undang atau amalan setempat melarang parti pembangkang daripada memperoleh kuasa.
- Kebanyakan negara satu parti dilahirkan daripada fahaman Leninisme dan Sosialisme, tetapi ada juga yang timbul daripada fasisme dan nasionalisme, atau sebaik sahaja merdeka dari penjajahan.
- Sistem satu parti selalunya timbul daripada proses penyahajahan kerana satu parti memegang peranan yang teramat dominan dalam perjuangan pembebasan atau kemerdekaan.

NEGARA SATU PARTI

(Negara yang ada satu parti politik sebagai pemerintah)



CHINA



CUBA



KOREA UTARA



SYRIA



VIETNAM



LAOS

CARISAN MASA NEGARA...



1400an
Kerajaan Melayu Lama



1500-1900an
Kolonialisme



1948
Perlembagaan Persekutuan



1957
Merdeka



1963
Malaysia

1963
Konfrontasi



MAY 13



Pasca 2020
Aspirasi



2020
Negara Maju



2015
KINI



1991
Wawasan 2020 diumum